



**IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7(a) - GAJI HARI


IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI

**PEGAWAI PELAJARAN (G.13)
JABATAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 21 JUN 2023
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 05 JULAI 2023
BILANGAN IKLAN: 2023/JUN/28**

PERATURAN 7(a) – GAJI HARI

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.




IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK PENGAMBILAN SECARA BERGAJI HARI

**PEGAWAI PELAJARAN
JABATAN PENDIDIKAN KHAS
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
G.13 (BAHAGIAN II)
KEKOSONGAN = LAPAN (08)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan / Pendidikan Inklusif / Pendidikan Khas atau sebarang kelulusan yang berkaitan dengan bidang Pendidikan Khas atau bidang pengkhususan seperti *Autisme / Disabilities / Early Childhood Studies with Special Education / Education, Psychology and Special Educational Needs Education, Special Needs and Disability / Education and Special Educational Needs / Fisioterapi / Kaunseling / Pemulihan Cara Kerja / Pertuturan / Primary (Special Educational Needs) / Psikologi / Special Educational Needs, Disabilities and Inclusion / Specific Learning / Sensori / Sensori Pendengaran / Sensori Penglihatan / Teknologi* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Bagi yang bukan pemegang Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dikehendaki terlebih dahulu mengikuti dan lulus program *Postgraduate Certificate of Education (PGCE)* atau *Postgraduate Certificate of Technical Education (PGCTE)* atau *Education Specialist Diploma / Certificate* atau *Master of Teaching* atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dalam tempoh percubaan.
3. Mempunyai pengalaman mengajar di sekolah-sekolah rendah atau menengah sekurang-kurangnya 3 tahun atau mempunyai pengalaman menangani individu berkeperluan khas seperti *autism* dan sebagainya sekurang-kurangnya 3 tahun merupakan satu kelebihan.
4. Pernah mengikuti latihan / kursus yang berkaitan dengan hal ehwal pendidikan orang-orang berkeperluan khas.



5. Mempunyai ciri-ciri kepimpinan, kemahiran, pengetahuan dan berkebolehan untuk menyampaikan taklimat, bengkel dan kuliah dalam bidang Pendidikan Khas / Pendidikan Inklusif / *Assistive Technology* dan / atau berkemahiran dan berkebolehan dalam menjalankan penilaian-penilaian dan intervensi-intervensi yang bersesuaian dan berkaitan dengan individu berkeperluan khas.
6. Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengadakan lawatan-lawatan kerja ke sekolah-sekolah yang mempunyai pelajar-pelajar berkeperluan khas;
2. Mengadakan lawatan pemantauan bagi mengumpul maklumat yang berkaitan dengan pelajar berkeperluan khas, Guru-Guru pendidikan khas dan Pembantu Guru;
3. Memberikan khidmat sokongan dan bantuan termasuk bimbingan, saranan, strategi pengajaran dan tunjuk cara teknik pengajaran dan pembelajaran;
4. Mengadiri Mesyuarat-Mesyuarat yang berkaitan dengan pelajar bekeperluan khas / pendidikan khas serta membuat lawatan susulan jika perlu;
5. Membantu menyaring / meneliti kes pelajar yang hendak dirujuk ke Jabatan Pendidikan Khas dengan meneliti dan mengadakan perbincangan bersama pihak sekolah dan pihak penjaga / ibu bapa;
6. Memberi saranan-saranan yang bersesuaian kepada pihak sekolah dan pihak penjaga / ibu bapa;
7. Menyediakan laporan hasil dapatan lawatan / mesyuarat termasuk cadangan penambahbaikan;
8. Membantu dalam membuat perancangan serta pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan bantuan atau program-program pendidikan bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas;
9. Menyampaikan kursus-kursus, latihan serta memberikan bimbingan kepada Guru-Guru Pendidikan Khas (*Guru SENA, Guru Homeroom, Learning Support Teacher* dan lain-lain) untuk meningkatkan pengetahuan dalam Pendidikan Khas;



10. Menyampaikan kursus-kursus, latihan serta memberikan bimbingan kepada guru-guru kelas, guru-guru mata pelajaran, pihak ibu bapa dan lain-lain untuk meningkatkan pengetahuan dalam Pendidikan Khas;
11. Membantu dalam projek-projek dan kerja-kerja penyelidikan dalam bidang-bidang Pendidikan Khas dari semasa ke semasa;
12. Membantu dalam sistem pengurusan data Jabatan Pendidikan Khas (seperti data guru pendidikan khas dan pelajar berkeperluan khas).
13. Menyediakan statistik dan analisis rujukan pelajar berkeperluan khas jika diperlukan.
14. Membantu dalam penyediaan dan penyelarasan data pelajar berkeperluan khas dengan pihak berkepentingan (seperti JAPEM dan Kementerian Kesihatan).
15. Bekerjasama dan memberi sumbangan kepada perkhidmatan-perkhidmatan lain di Jabatan Pendidikan Khas;
16. Bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan dan sebagai ahli dalam komiti-komiti Pendidikan Khas di bawah Kementerian Pendidikan dan / atau Kementerian-Kementerian lain; dan
17. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Unit Pendidikan Khas dan Timbalan Ketua Unit Pendidikan Khas dari semasa ke semasa.